



23 APR, 2022

## Ratifikasi CPTPP manfaatkan peluang pelaburan

Utusan Sarawak, Malaysia

Page 1 of 2

# Ratifikasi CPTPP manfaatkan peluang pelaburan

**KUALA LUMPUR:** Institut Demokrasi dan Hal Ehwat Ekonomi (IDEAS) menggesa kepada ratifikasi perjanjian Komprehensif dan Progresif bagi Perkongsian Trans-Pasifik (CPTPP) dalam masa terdekat untuk memanfaatkan peluang pelaburan.

Dalam kenyataan, ia turut menggesa kerajaan supaya membenarkan maklumat terkini kepada orang ramai mengenai status ratifikasinya dan analisis kos-faedah yang dimuktamadkan baru-baru ini.

Menurut IDEAS, berdasarkan Tinjauan Ekonomi dan Monetari 2021 dikeluarkan Bank Negara Malaysia pada akhir Mac, pelaburan swasta ke Malaysia dijangka meningkat sebanyak 5.3 peratus tahun ke tahun pada 2022, naik berbanding 2.6 peratus pada 2021.

"Pelaburan swasta dijangka mendapat manfaat daripada permintaan global yang terus meningkat serta realisasi pelaburan baharu dan semasa.

"IDEAS optimis secara berhati-hati berdasarkan angka ini yang menunjukkan pertumbuhan pelaburan, tetapi percaya bahawa meratifikasi CPTPP akan membantu menarik lebih banyak pelaburan langsung asing (FDI) berkualiti ke Malaysia, sekali gus membantu memudahkan pemulihan negara selepas pandemik," katanya.

Menurut IDEAS, kemungkinan penyertaan ekonomi seperti United Kingdom, Taiwan,

Korea Selatan, China dan Thailand dalam zon perdagangan bebas mega akan mewujudkan lebih banyak peluang untuk sektor swasta Malaysia dan menetapkan ekonomi.

Katanya, akses pasaran akan dipertingkatkan apabila lebih ramai ahli meratifikasi perjanjian itu dan ini akan meningkatkan aktiviti FDI dan perdagangan untuk semua rakan kongsi dalam jangka sederhana hingga jangka panjang. Menurut institut penyelidikan itu, usaha berterusan kerajaan untuk menarik pelaburan baharu yang berkualiti dan memudahkan pelaksanaan projek turut dijangka memacu pelaburan ke Malaysia.

Katanya, usaha seperti Unit Penyelarasan Kemajuan Projek (PACU) dan Pusat Sehati (OSC) untuk pengembara perniagaan, Rangka Tindakan Ekonomi Digital Malaysia dan insentif yang diumumkan dalam Bajet 2022 turut dijangka memacu aliran masuk pelaburan.

"Walaupun langkah-langkah ini akan terbukti berguna untuk menarik FDI yang amat diperlukan, Malaysia juga perlu mempertimbangkan untuk meratifikasi CPTPP dalam masa terdekat.

"Ini akan membantu menerajui FDI jangka sederhana hingga jangka panjang melalui penetapan standard, yang akan membuka pasaran domestik Malaysia kepada pelabur asing dengan halangan minimum," katanya.

Selain itu katanya, penambahbaikan dalam

tadbir urus domestik berikutan pembaharuan melalui komitmen CPTPP akan membantu meningkatkan keyakinan pelabur antarabangsa terhadap Malaysia sebagai rakan dagang dan destinasi FDI.

"Penyelidikan IDEAS mendapati bahawa meratifikasi dan melaksanakan CPTPP akan meningkatkan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) Malaysia dengan tambahan satu peratus, selain mewujudkan peluang pekerjaan

baharu bersamaan dengan 140,000 orang tambahan bekerja.

"Selain itu, berdasarkan perang perdagangan AS-China baru-baru ini dan pandemik Covid-19, peralihan rantaian bekalan yang berterusan dari China telah berlaku pada tahap tertentu. Malaysia perlu memanfaatkan peluang ini untuk menarik lebih ramai pelabur dari dalam dan luar rantau ini," katanya. - Bernama



23 APR, 2022

## Ratifikasi CPTPP manfaatkan peluang pelaburan

Utusan Sarawak, Malaysia

Page 2 of 2

### SUMMARIES

KUALA LUMPUR: Institut Demokrasi dan Hal Ehwal Ekonomi (IDEAS) menggesa kepsfda ratifikasi perjanjian Komprehensif dan Progresif bagi Perkongsian Trans- Pasifik (CPTPP) dalam masa terdekat untuk memanfaatkan peluang pelaburan. Dalam kenyataan, ia turut menggesa kerajaan supaya memberikan maklumat terkini kepada orang ramai mengenai status ratifikasinya dan analisis kos-faedah yang dimuktamadkan baru-baru ini. Menurut IDEAS, berdasarkan Tinjauan Ekonomi dan Monetari 2021 dikeluarkan Bank Negara Malaysia pada akhir Mac, pelaburan swasta ke Malaysia dijangka meningkat sebanyak 5.